



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2003

PANDUAN URUSAN PERSARAAN DAN PENCEN

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2003

PANDUAN URUSAN PERSARAAN DAN PENCEN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menguatkuasakan pemakaian **Panduan Urusan Persaraan Dan Pencen** seperti berkembar (selepas ini disebut **Panduan ini**) untuk menggantikan panduan dan prosedur yang sedang berkuat kuasa bagi menguruskan persaraan dan pemberian faedah di bawah undang-undang pencen kepada anggota agensi awam serta orang tanggungan mereka. Pekeliling Perkhidmatan dan Panduan ini hendaklah dibaca bersama.

LATAR BELAKANG

2. Persaraan, pemberian faedah persaraan dan pemberian faedah berhubung dengan kematian anggota semasa dalam perkhidmatan adalah diperuntukkan di bawah Akta Pencen 1980 (Akta 227) bagi pegawai perkhidmatan awam Persekutuan atau Negeri dan di bawah Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa

Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) bagi pekerja Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pada masa ini prosedur yang diikuti oleh Jabatan Mengurus adalah termaktub di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1974 dan beberapa Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan serta surat arahan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

3. Untuk mempertingkatkan keberkesanan pentadbiran persaraan dan pencen, JPA telah mengambil langkah ke arah pengintegrasian dan pengkomputeran keseluruhan aliran kerja. Pelaksanaan sistem pentadbiran persaraan dan pencen yang baru ini melibatkan pembaharuan prosedur, meliputi perubahan borang dan aliran kerja yang perlu dipatuhi oleh Jabatan Mengurus.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

4. Dengan berkuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab mematuhi prosedur yang dijelaskan dalam Panduan ini bagi semua urusan persaraan dan pencen. Perhatian khusus hendaklah diberi kepada perkara yang berikut -

- (i) setiap permohonan atau urusan hendaklah disertakan dengan borang dan dokumen sokongan yang lengkap seperti yang ditetapkan kerana permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan;
- (ii) setiap permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan;

- (iii) maklumat yang diisi ke dalam borang hendaklah betul, lengkap, terkini dan konsisten dengan maklumat di dalam dokumen sokongan dan, jika terdapat sebarang perbezaan di antara kedua-dua maklumat, JPA hendaklah dimaklumkan berserta dengan penjelasan;
- (iv) Jabatan Mengurus hendaklah memaklumkan dengan serta-merta sekiranya terdapat perubahan status bakal pesara, contohnya kenaikan pangkat atau pelarasan gaji, walaupun ia berlaku selepas permohonan dikemukakan kepada JPA; dan
- (v) sebarang surat-menyurat di antara Jabatan Mengurus dengan JPA hendaklah dihantar sesalinan kepada bakal pesara atau tanggungan bagi anggota yang meninggal dunia dalam perkhidmatan.

PEMAKAIAN

5. Panduan ini hendaklah digunakan oleh Kementerian dan Jabatan (Persekutuan dan Negeri), Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi semua permohonan persaraan dan pencen yang dihantar ke JPA pertama kalinya mulai **1 Julai 2003**. Permohonan yang telah dihantar sebelum tarikh tersebut akan diurus mengikut prosedur sedia ada.

PEMBATALAN

6. Dengan berkuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, maka Surat Pekeliling Perkhidmatan dan surat arahan seperti berikut **dibatalkan**:

- (i) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1974 bertarikh 2 Mei 1974 bertajuk “Peraturan Menyediakan Kertas Tamat Perkhidmatan bagi Pegawai-pegawai Persekutuan”;
- (ii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1975 bertarikh 14 April 1975 bertajuk “Borang-borang Baharu Bagi Menyediakan Kertas-kertas Tamat Perkhidmatan”;
- (iii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1976 bertarikh 22 Januari 1976 bertajuk “Penjelasan terhadap borang-borang baharu bagi menyediakan Kertas-kertas Tamat Perkhidmatan”;
- (iv) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 / 1978 bertarikh 15 Mac 1978 bertajuk “Sijil Akuan Berhutang / Tidak Berhutang Berkaitan Dengan Pembayaran Pencen”;
- (v) Surat Pejabat Perjawatan Persekutuan, Sarawak, rujukan PERJ/PEN 54/(15) bertarikh 21 September 1982 bertajuk “Peraturan-Peraturan Menyediakan Kertas-Kertas Faedah Tamat Perkhidmatan”;
- (vi) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1991 bertarikh 11 April 1991 bertajuk “Persaraan Pilihan Sendiri”;

- (vii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1992 bertarikh 14 September 1992 bertajuk “Persaraan Pilihan Sendiri – Pindaan Kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1991”, dan
- (viii) Surat JPA rujukan JPA (TAB) 228 / 69 / (70) bertarikh 15 Mei 1993 dan JPA (TAB) 228 / 69 / 71 bertarikh 18 Mei 1993, kedua-duanya bertajuk “Prosidur Bagi Memperakukan Pemberian Taraf Pekerja Berpencen”.

PENGEKALAN

7. Pekeliling Perkhidmatan yang berikut masih terpakai dan hendaklah dibaca bersama-sama Pekeliling Perkhidmatan ini :


- (i) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1993 bertarikh 8 September 1993 bertajuk “Gantian Cuti Rehat Yang Tidak Dapat Dihabiskan”; dan
- (ii) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1995 bertarikh 10 November 1995 bertajuk “Prosedur Membrosarakan Pegawai Atas Sebab Kesihatan”.

8. Dalam keadaan di mana terdapat perbezaan di antara Panduan ini dengan Pekeliling Perkhidmatan di Perenggan 7, keperluan di dalam Panduan ini hendaklah mengatasinya.

TARIKH KUAT KUASA

9. Pekeliling Perkhidmatan dan Panduan ini mula berkuat kuasa pada **1 Julai 2003**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
PUTRAJAYA**

Tarikh : 18 Jun 2003

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

KEMBARAN

**PANDUAN URUSAN PERSARAAN
DAN PENCEN**

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MALAYSIA

2003

KANDUNGAN

BAHAGIAN	TAJUK	MUKA SURAT
BAHAGIAN I	PENDAHULUAN	1
	Tujuan	1
	Tafsiran	1
	Singkatan Perkataan	4
BAHAGIAN II	PIHAK YANG LAYAK / TIDAK LAYAK DIBERI FAEDAH DI BAWAH UNDANG-UNDANG PENCEN	5
	Skim Pencen	5
	Skim Pencen Dan KWSP	5
	Skim KWSP	6
BAHAGIAN III	TANGGUNGJAWAB	7
	Tanggungjawab Jabatan Mengurus	7
	Tanggungjawab Bakal Pesara dan Orang Tanggungan	12
	Tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Awam	13
	Tanggungjawab Agensi Lain Yang Berkaitan	15
BAHAGIAN IV	URUSAN PRA-PERSARAAN	17
	Pemberian Taraf Berpencen	17
	Percantuman Perkhidmatan Lepas	18
	Pemberitahuan Maklumat Asas Bakal Pesara	20

BAHAGIAN	TAJUK	MUKA SURAT
BAHAGIAN V	URUSAN PERSARAAN DAN PENCEN	21
	Persaraan Paksa Di Bawah Seksyen 10 Akta 227/239	21
	Persaraan Kerana Mencapai Umur 55 Tahun atau 56 Tahun	21
	Persaraan Atas Sebab Kesihatan	24
	Persaraan Kerana Jawatan yang Dipegang Dihapuskan	26
	Persaraan Kerana Penyusunan Semula Organisasi	28
	Persaraan Kerana Pekerjaan Anggota Telah Ditamatkan Demi Kepentingan Awam	30
	Persaraan Kerana Memperoleh Kewarganegaraan Asing atau Dilucutkan Kewarganegaraan Malaysia	33
	Persaraan Kerana Memberi Maklumat Palsu Bagi Maksud Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam	34
	Persaraan Di Atas Kehendak Kerajaan atau Menteri Di Bawah Seksyen 11 Akta 227/239	36
	Persaraan Atas Alasan Kepentingan Negara	36
	Persaraan Demi Kepentingan Perkhidmatan Awam atau Perkhidmatan Badan Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan	38
	Persaraan Pilihan Di Bawah Seksyen 12 Akta 227/239	40
	Persaraan Kerana Penswastaan Agensi Awam Di Bawah Subseksyen 10(5)(b), 12, dan 12A Akta 227 atau Subseksyen 10(5)(b), 12 dan 13 Akta 239	42

BAHAGIAN	TAJUK	MUKA SURAT
	Permohonan Elaun Bersara dan Ganjaran Kepada Pegawai Sementara Di Bawah Seksyen 24 Akta 227	45
	Permohonan Pencen Hilangupaya Di Bawah Seksyen 17 Akta 227 / Seksyen 19 Akta 239	46
BAHAGIAN VI	URUSAN PERMOHONAN FAEDAH TERBITAN DAN PENCEN TANGGUNGAN	49
	Permohonan Faedah Terbitan Kerana Kematian Anggota Dalam Perkhidmatan Di Bawah Seksyen 14 atau 25 Akta 227 / Seksyen 15 Akta 239	49
	Permohonan Pencen Tanggungan Di Bawah Seksyen 18 Akta 227 / Seksyen 20 Akta 239	52
BAHAGIAN VII	URUSAN PERMOHONAN WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT	56
BAHAGIAN VIII	PELBAGAI	57
	Borang	57
	Cara Mengisi Borang	57
	Senarai Semak	57
	Pengesahan Salinan Dokumen	57
BAHAGIAN IX	PENUTUP	58

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A Contoh Borang

Lampiran B Cara Mengisi Borang

BAHAGIAN I

PENDAHULUAN

Tujuan

1. Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan prosedur yang perlu diikuti oleh Jabatan Mengurus dalam urusan persaraan dan pencen di bawah undang-undang pencen yang sedang berkuat kuasa bagi anggota yang akan bersara atau yang mati dalam perkhidmatan.

Tafsiran

2. Untuk maksud Panduan ini:

“**agensi awam**” ertinya Kementerian (Persekutuan dan Negeri), Jabatan (Persekutuan dan Negeri), Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan;

“**Akta 227**” ertinya Akta Pencen 1980;

“**Akta 239**” ertinya Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980;

“**anak**” ertinya anak seorang anggota –

- (i) iaitu anak yang di bawah umur 21 tahun dan termasuk –
 - (a) anak yang lahir selepas kematian anggota itu, anak tiri tanggungan dan anak tak sah taraf anggota itu; dan

- (b) anak yang diambil sebagai anak angkat oleh anggota itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman, dengan bukti yang memuaskan mengenai pengangkatan itu.
- (ii) iaitu anak yang tidak kira apa jua umurnya dan yang cacat otak atau hilangupaya dari segi jasmani dan secara kekal dan yang tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri.

“**anggota**” ertinya **pegawai** perkhidmatan awam Persekutuan atau Negeri atau **pekerja** Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan;

“**anggota berpencen**” ertinya –

- (i) seseorang pegawai yang telah diberi taraf sebagai seorang **pegawai berpencen** di bawah Seksyen 7 Akta 227 atau yang disifatkan sebagai seorang pegawai berpencen di bawah Seksyen 8 Akta 227; atau
- (ii) seseorang pekerja yang telah diberi taraf sebagai **pekerja berpencen** di bawah Seksyen 6 Akta 239 atau yang disifatkan sebagai seorang pekerja berpencen di bawah Seksyen 7 Akta 239.;

“**gemulah**” ertinya seseorang anggota yang mati dalam perkhidmatan;

“**Jabatan Mengurus**” ertinya agensi awam atau pertubuhan yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal persaraan dan pencen anggota;

“**Kawasan Keselamatan**” ertinya kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan di bawah Seksyen 47 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960;

"Ketua Jabatan" ertinya anggota yang mengetuai sesebuah agensi awam atau pertubuhan di peringkat ibu pejabat, iaitu Ketua Perkhidmatan, Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah, Ketua Eksekutif atau mana-mana anggota yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihaknya;

"peraturan-peraturan pencen" ertinya Peraturan-Peraturan Pencen 1980 yang dibuat di bawah Seksyen 5 Akta 227 dan Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990 yang dibuat di bawah Seksyen 28 Akta 239;

"pesara" ertinya anggota yang telah bersara atau dibersarakan di bawah undang-undang pencen;

"PU(A) 176 / 80" ertinya Peraturan-Peraturan Pencen 1980;

"PU(A) 134 / 90" ertinya Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990;

"undang-undang pencen" ertinya Akta 227 atau Akta 239 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;

Singkatan Perkataan

EFT	<i>Electronic Funds Transfer</i>
GCR	Wang Tunai Gantian Cuti Rehat
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
LTAT	Lembaga Tabung Angkatan Tentera
P.P.	Pekeliling Perkhidmatan

BAHAGIAN II

PIHAK YANG LAYAK / TIDAK LAYAK DIBERI FAEDAH DI BAWAH UNDANG-UNDANG PENCEN

3. Di bawah undang-undang pencen, persaraan boleh berlaku bagi anggota yang memilih atau berada di bawah skim berikut:

3.1 Skim Pencen

- (i) Pegawai perkhidmatan awam –
 - (a) pegawai yang dilantik tetap sebelum 12.4.1991; atau
 - (b) pegawai yang dilantik tetap pada atau selepas 12.4.1991 dan tidak memilih Skim KWSP di bawah Seksyen 6A Akta 227.

- (ii) Pekerja Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan –
 - (a) pekerja yang dilantik tetap sebelum 1.1.1976 yang memilih Skim Pencen; atau
 - (b) pekerja yang dilantik tetap pada 1.1.1976 hingga 11.4.1991; atau
 - (c) pekerja yang dilantik tetap pada atau selepas 12.4.1991 dan tidak memilih Skim KWSP di bawah Seksyen 6A Akta 239.

3.2 Skim Pencen Dan KWSP

Pekerja berpencen yang berkhidmat dengan Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan yang mengamalkan sistem saraannya sendiri boleh memilih **Skim Pencen Dan KWSP** di bawah Seksyen 6E Akta 239.

3.3 Skim KWSP

- (i) Pegawai perkhidmatan awam –
 - (a) pegawai yang dilantik tetap pada atau selepas 12.4.1991 yang memilih Skim KWSP di bawah Seksyen 6A Akta 227.
- (ii) Pekerja Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan –
 - (a) pekerja yang dilantik tetap sebelum 1.1.1976 dan memilih Skim KWSP; atau
 - (b) pekerja yang dilantik tetap pada atau selepas 12.4.1991 yang telah memilih Skim KWSP di bawah Seksyen 6A Akta 239; atau
 - (c) pekerja berpencen yang memilih Skim KWSP di bawah Seksyen 6B Akta 239.

4. Anggota yang berada di bawah **Skim Pencen** serta orang tanggungan mereka layak mendapat faedah di bawah undang-undang pencen. Pekerja berpencen yang memilih **Skim Pencen Dan KWSP** serta orang tanggungan mereka boleh diberi faedah di bawah undang-undang pencen bagi tempoh perkhidmatan sebelum berkuat kuasa skim tersebut. Anggota yang memilih atau berada di bawah **Skim KWSP** serta orang tanggungan mereka tidak layak diberi apa-apa faedah di bawah undang-undang pencen. **Panduan ini adalah hanya untuk urusan persaraan dan pencen bagi anggota dan orang tanggungan yang layak mendapat faedah di bawah undang-undang pencen dan juga pegawai sementara yang layak diberi elaun bersara di bawah Seksyen 24 Akta 227 serta orang tanggungan mereka.**

BAHAGIAN III

TANGGUNGJAWAB

5. Tanggungjawab Jabatan Mengurus

5.1 Mengemaskinikan Rekod dan Memaklumkan Perubahan

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menyelenggara rekod perkhidmatan seseorang anggota supaya rekod tersebut teratur dan kemaskini sehingga sehari sebelum anggota bersara. Penyelenggaraan dan pengemaskinian hendaklah selaras dengan peraturan dan arahan pentadbiran sedia ada, dengan diberi penumpuan kepada perkara yang memberi kesan kepada pengiraan faedah persaraan antaranya –

- (i) perubahan gaji;
- (ii) perubahan imbuhan tetap atau elaun;
- (iii) perubahan tempoh perkhidmatan;
- (iv) kenaikan pangkat; dan
- (v) cuti.

5.2 Menyediakan Borang dan Dokumen Yang Lengkap

Jabatan Mengurus dikehendaki menyediakan borang dan dokumen yang lengkap sebelum permohonan persaraan atau permohonan faedah persaraan dikemukakan untuk pertimbangan JPA. Borang dan dokumen yang dikehendaki ialah seperti di **Bahagian IV** hingga **Bahagian VII** Panduan ini mengikut kesesuaian jenis urusan, permohonan persaraan atau permohonan faedah. Kegagalan mengemukakan borang dan dokumen yang **lengkap** seperti yang dikehendaki akan menjejaskan permohonan tersebut.

5.3 Mengemukakan Borang dan Dokumen Mengikut Masa Yang Ditetapkan

Borang dan dokumen yang lengkap hendaklah dihantar mengikut tempoh yang ditetapkan seperti di dalam **Jadual 1** (bagi urusan pra-persaraan), **Jadual 2** (bagi urusan persaraan dan pencen) dan **Jadual 3** (bagi urusan selainnya).

Jadual 1
Tempoh Mengemukakan Borang dan Dokumen Pra-Persaraan

Bil.	Jenis Urusan	Tempoh Mengemukakan Borang dan Dokumen
a.	Pemberian Taraf Berpencen	Sebulan sebelum genapnya 3 tahun perkhidmatan yang boleh dimasukirakan dengan syarat pekerja tidak memilih Skim KWSP dan telah disahkan jawatannya.
b.	Percantuman Perkhidmatan Lepas	<ul style="list-style-type: none"> - Tidak lewat dari 2 tahun sebelum bersara bagi persaraan kerana mencapai umur 55 tahun atau 56 tahun; atau - Secepat mungkin bagi jenis-jenis persaraan yang lain.
c.	Penyediaan Maklumat Asas Bakal Pesara	<ul style="list-style-type: none"> - 2 tahun sebelum tahun persaraan bagi persaraan kerana mencapai umur 55 tahun atau 56 tahun; atau - Sebaik sahaja tarikh kuat kuasa penswastan bagi persaraan kerana penswastan agensi awam.

Jadual 2
Tempoh Mengemukakan Borang dan Dokumen
Mengikut Jenis Persaraan

Bil.	Jenis Persaraan	Tempoh Mengemukakan Borang dan Dokumen
a.	Kerana Mencapai Umur 55 Tahun atau 56 Tahun – Subseksyen 10(1), Akta 227 / 239	3 bulan sebelum mencapai umur 55 tahun atau 56 tahun, mana yang berkenaan.
b.	Atas Sebab Kesihatan – Perenggan 10(5)(a), Akta 227 / 239	<ul style="list-style-type: none"> - Tidak lewat dari 1 bulan selepas memperoleh keputusan Lembaga Perubatan; atau - Tidak lewat dari 14 hari selepas kelulusan persaraan atas sebab kesihatan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
c.	Kerana Jawatan Yang Dipegang Dihapuskan – Perenggan 10(5)(b), Akta 227 / 239	Tidak lewat dari 1 bulan selepas Surat Kuasa Memansuhkan Jawatan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.
d.	Kerana Penyusunan Semula Organisasi – Perenggan 10(5)(c), Akta 227 / 239	Tidak lewat dari 1 bulan selepas keputusan penyusunan semula organisasi dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.
e.	Kerana Pekerjaan Anggota Telah Ditamatkan Demi Kepentingan Awam – Perenggan 10(5)(d), Akta 227 / 239	<ul style="list-style-type: none"> - Tidak lewat dari 14 hari selepas memperoleh keputusan muktamad Lembaga Tatatertib yang menamatkan perkhidmatan anggota; atau - Tidak lewat dari 14 hari selepas kelulusan persaraan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

...bersambung

Bil.	Jenis Persaraan	Tempoh Mengemukakan Borang dan Dokumen
f.	Kerana Memperoleh Kewarganegaraan Asing atau Dilucutkan Kewarganegaraan Malaysia - Perenggan 10(5)(e), Akta 227 / 239	<ul style="list-style-type: none"> - Tidak lewat dari 14 hari selepas mendapat bukti bahawa anggota tersebut telah memperoleh kewarganegaraan, atau menggunakan hak-hak kewarganegaraan, atau telah membuat pengisytiharan kesetiaan kepada, mana-mana negara selain daripada Malaysia atau telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysiannya; atau - Tidak lewat dari 1 bulan selepas kelulusan persaraan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
g.	Kerana Memberi Maklumat Palsu Bagi Maksud Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam – Perenggan 10(5)(f), Akta 227 / 239	Tidak lewat dari 1 bulan selepas memperoleh bukti bahawa anggota dilantik berasaskan maklumat atau dokumen palsu.
h.	Atas Alasan Kepentingan Negara - Perenggan 11(a)(i)/ 11(b)(i) Akta 227 / Subseksyen 11(a) Akta 239	Tidak lewat dari 1 bulan selepas memperoleh keputusan Kerajaan untuk membersarakan anggota demi kepentingan negara.
i.	Demi Kepentingan Perkhidmatan Awam atau Demi Kepentingan Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan – Perenggan 11(b)(ii), Akta 227 / Subseksyen 11(b), Akta 239	<ul style="list-style-type: none"> - Tidak lewat dari 1 bulan selepas mendapat keputusan Kerajaan untuk membersarakan anggota demi kepentingan perkhidmatan awam setelah memperoleh persetujuan anggota; atau - Tidak lewat dari 14 hari selepas kelulusan persaraan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

...bersambung

Bil.	Jenis Persaraan	Tempoh Mengemukakan Borang dan Dokumen
j.	Pilihan – Seksyen 12, Akta 227 / 239	<ul style="list-style-type: none"> - Tidak lewat dari 3 bulan sebelum tarikh persaraan yang diperakukan oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi anggota perkhidmatan awam Persekutuan dan Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan; atau - Tidak lewat dari 14 hari selepas kelulusan persaraan pilihan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
k.	<p>Kerana Penswastaan Agensi Awam, sekiranya -</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menolak Tawaran Berkhidmat Dengan Syarikat dan Bersara Kerana Jawatan Yang Dipegang Dihapuskan – Perenggan 10(5)(b) Akta 227 / 239; atau ii. Menerima Tawaran Berkhidmat Dengan Syarikat dan Bersara Pilihan – Seksyen 12 Akta 227 / 239; atau iii. Menerima Tawaran Berkhidmat Dengan Syarikat dan Bersara Kerana Dilantik Berkhidmat Dengan Syarikat - Seksyen 12A Akta 227 / Seksyen 13 Akta 239. 	<p>Tidak lewat dari 14 hari selepas tarikh kuat kuasa penswastaan.</p> <p>Tidak lewat dari 14 hari selepas tarikh kuat kuasa penswastaan.</p> <p>Tidak lewat dari 3 bulan sebelum umur layak terima pencen seperti pilihan anggota berkenaan.</p>

Jadual 3
Tempoh Mengemukakan Borang dan Dokumen Bagi Urusan Selainnya

Bil.	Jenis Urusan	Tempoh Mengemukakan Borang dan Dokumen
a.	Permohonan elaun bersara dan ganjaran bagi pegawai sementara	Sama seperti di Jadual 2 mengikut jenis persaraan.
b.	Permohonan pencen hilang upaya	Sebaik sahaja diterima permohonan pesara dan bukti bertulis yang melayakkan pemberian pencen hilangupaya.
c.	Permohonan faedah terbitan dan pencen tanggungan	Sebaik sahaja diterima bukti bertulis kematian anggota.
d.	Permohonan wang tunai gantian cuti rehat	Dikemukakan bersama permohonan persaraan dan pencen seperti di Jadual 2.

6. Tanggungjawab Bakal Pesara dan Orang Tanggungan

Ketua Jabatan hendaklah memaklumkan bakal pesara dan orang tanggungan mengenai tanggungjawab mereka seperti berikut :

6.1 Memberi Kerjasama Melengkapkan Borang dan Dokumen

Bakal pesara atau orang tanggungan (bagi kes kematian dalam perkhidmatan) adalah bertanggungjawab memberi kerjasama sepenuhnya kepada Ketua Jabatan dalam melengkapkan segala butiran di dalam borang serta mengemukakan dokumen persaraan yang diperlukan.

6.2 **Menyemak dan Mengesahkan Maklumat**

Bakal pesara bertanggungjawab untuk menyemak dan mengesahkan bahawa semua maklumat yang dikemukakan ke JPA adalah betul, tepat, terkini dan lengkap.

6.3 **Mengemukakan Permohonan Pencen Hilangupaya atau Pencen Tanggungan**

Bakal pesara adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan surat permohonan pencen hilangupaya melalui Ketua Jabatan sekiranya ada kaitan dengan persaraannya, manakala bagi pencen tanggungan pula orang tanggungan adalah dikehendaki mengemukakan surat permohonan melalui Ketua Jabatan gemulah untuk pertimbangan pembayaran pencen tanggungan oleh JPA sekiranya memenuhi syarat di bawah undang-undang pencen.

7. **Tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Awam**

7.1 **Memberi Taraf Pekerja Berpencen**

JPA bertanggungjawab memberi pertimbangan ke atas perakuan pemberian taraf berpencen kepada pekerja Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Seksyen 6 Akta 239.

7.2 **Melulus Percantuman Perkhidmatan Lepas**

JPA bertanggungjawab memberi pertimbangan ke atas permohonan percantuman perkhidmatan lepas yang dikemukakan oleh anggota di bawah undang-undang pencen.

7.3 **Memproses, Melulus dan Membayar Faedah**

JPA bertanggungjawab untuk memproses, melulus dan membayar faedah yang diperuntukkan di bawah undang-undang pencen.

7.4 **Menentukan Prosedur Pembayaran**

7.4.1 JPA bertanggungjawab untuk menentukan prosedur pembayaran faedah, termasuk kutipan baki hutang Kerajaan daripada pesara atau penerima pencen. Cara pembayaran faedah yang mengambilkira keadaan penerimanya ialah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4

Cara Pembayaran Faedah

Bil.	Jenis Faedah	Cara Pembayaran
a.	Pencen / Pencen Terbitan / Elaun Bersara / Elaun Bersara Terbitan / Pencen Hilangupaya / Pencen Tanggungan	Kredit terus / Waran / EFT
b.	Ganjaran / Ganjaran Terbitan	Cek / kredit terus / EFT
c.	Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat	Cek / EFT

7.4.2 JPA juga bertanggungjawab menentukan jenis skim pembayaran pencen melalui bank bagi pesara dan penerima pencen seperti **Jadual 5**.

Jadual 5

Skim Pembayaran Faedah Melalui Bank

Jenis Skim	Kelayakan	Jenis Akaun Bank
Skim A – Kredit terus ke akaun	Pesara yang mempunyai suami / isteri yang masih hidup yang dikahwini semasa dalam perkhidmatan.	Akaun simpanan perseorangan/ akaun semasa perseorangan di bank yang menyertai Skim Pembayaran Pencen Melalui Bank.
Skim B - Kredit ke akaun bila pesara / penerima pencen hadir mengisi borang tuntutan pencen di kaunter bank. Bank memulangkan wang ke JPA jika pesara / penerima pencen tidak hadir di bank dalam tempoh 6 bulan.	<ul style="list-style-type: none">- Penerima pencen terbitan dan pencen tanggungan; atau- Pesara bujang; atau- Pesara yang kematian suami / isteri; atau- Pesara mempunyai suami / isteri yang dikahwini selepas bersara.	

7.5 Menghitung Semula Faedah

JPA adalah bertanggungjawab untuk menghitung semula faedah yang telah dibayar sekiranya berlaku perubahan tempoh perkhidmatan yang dimasukira dan / atau perubahan gaji yang akhir diterima sepertimana dimaklumkan oleh Jabatan Mengurus.


8. Tanggungjawab Agensi Lain Yang Berkaitan

8.1 Memberi Penyata dan Arahan Kutipan Balik

Agensi seperti LHDN, Bahagian Pinjaman Perumahan (Kementerian Kewangan Malaysia) dan KWSP atau agensi yang seumpamanya bertanggungjawab menyediakan penyata yang tepat berkenaan dengan akaun anggota untuk membolehkan kutipan balik jumlah yang masih terhutang kepada Kerajaan daripada faedah yang diluluskan.

9. Ringkasan fungsi dan tanggungjawab antara Jabatan Mengurus, Bakal Pesara / Orang Tanggungan, Bank dan Agensi lain dengan JPA ialah seperti di **Gambarajah 1**.

Gambarajah 1
Hubungkait Fungsi dan Tanggungjawab



BAHAGIAN IV

URUSAN PRA-PERSARAAN

10. Pemberian Taraf Berpencen

- 10.1 Pemberian taraf berpencen pegawai perkhidmatan awam Persekutuan diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dan Suruhanjaya Pasukan Polis, mana yang berkenaan. Pegawai perkhidmatan awam Negeri pula diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri masing-masing kecuali yang diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi Kerajaan Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang dan Perlis. Bagi pekerja Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, pemberian taraf berpencen diuruskan oleh JPA di bawah peruntukan Seksyen 6 Akta 239.
- 10.2 Perakuan pemberian taraf berpencen bagi pekerja yang telah disahkan dalam jawatannya dan tidak memilih Skim KWSP hendaklah dihantar ke JPA **sebulan sebelum genapnya tiga (3) tahun perkhidmatan yang boleh dimasukira**. Borang dan dokumen yang diperlukan adalah seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6

Borang dan Dokumen Urusan Pemberian Taraf Berpencen

Bil.	Borang dan Dokumen
a.	Borang JPA.BP.SPPP.B06 – Perakuan Pemberian Taraf Berpencen
b.	Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini (lengkap dengan nama, nombor kad pengenalan, pengesahan jawatan dan opsyen pegawai)

11. Percantuman Perkhidmatan Lepas

- 11.1 Percantuman perkhidmatan lepas ialah proses mengagregatkan tempoh perkhidmatan sekarang dengan tempoh perkhidmatan dahulu di agensi awam lain bagi membolehkan keseluruhan tempoh perkhidmatan tersebut dimasukira untuk tujuan pengiraan faedah di bawah undang-undang pencen. Tempoh perkhidmatan yang boleh dipertimbangkan untuk percantuman ialah seperti yang terkandung di dalam Peraturan 5, 6, 7 dan 8, PU(A) 176 / 80 bagi pegawai perkhidmatan awam Persekutuan dan Negeri atau Peraturan 4, 5, 6 dan 7, PU(A) 134 / 90 bagi pekerja Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- 11.2 Anggota serta Ketua Jabatan hendaklah menguruskan permohonan percantuman perkhidmatan lepas semasa anggota masih lagi dalam perkhidmatan, iaitu **selewat-lewatnya dua (2) tahun sebelum tarikh persaraan.**
- 11.3 Permohonan percantuman perkhidmatan lepas hendaklah dikemukakan kepada JPA berserta borang dan dokumen seperti di **Jadual 7.**

Jadual 7

Borang dan Dokumen Urusan Percantuman Perkhidmatan Lepas

Bil.	Borang dan Dokumen
a.	Borang JPA.BP.SPPP.B05 - Permohonan Percantuman Perkhidmatan Lepas
b.	Salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti bagi perkhidmatan sebelum dan perkhidmatan sekarang.
c.	Salinan Kad Pengenalan pegawai
d.	Salinan surat kelulusan perletakan jawatan atau pelepasan dengan izin daripada agensi-agensi terdahulu (jika berkenaan)
e.	Salinan surat kelulusan cuti tanpa gaji (jika berkenaan)
f.	Salinan surat tawaran pelantikan (jika berkenaan)
g.	Borang BAT 'D' 132 Pindaan 1/95 bagi bekas anggota tentera
h.	Penyata Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) (jika berkenaan)
i.	Surat persetujuan pembayaran balik ganjaran, saguhati atau caruman majikan di LTAT daripada pegawai (jika berkenaan)
j.	Salinan surat tawaran biasiswa bagi kes-kes perletakan jawatan bagi melanjutkan pelajaran (jika berkenaan)
k.	Salinan dokumen lain yang berkaitan dengan perkhidmatan lepas yang hendak dicantumkan

12. Penyediaan Maklumat Asas Bakal Pesara

Bagi membantu JPA merancang keperluan kewangan, Jabatan Mengurus dikehendaki mengemukakan maklumat asas bakal pesara termasuk maklumat mengenai notis pelepasan atau pengasingan caruman Kerajaan di KWSP seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8
Borang Maklumat Asas Bakal Pesara

Bil.	Borang Maklumat
a.	Bagi persaraan kerana mencapai umur 55 tahun atau 56 tahun : <ul style="list-style-type: none">- Borang JPA. BP. SPPP. B07a - Maklumat Asas Bakal Pesara- Borang JPA.BP.SPPP.B04 - Notis Pelepasan / Pengasingan Caruman Kerajaan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Untuk Tujuan Pengiraan Faedah Persaraan
b.	Bagi persaraan kerana penswastaaan agensi awam : <ul style="list-style-type: none">- Borang JPA.BP.SPPP.B07b - Maklumat Asas Pesara Penswastaaan- Borang JPA.BP.SPPP.B04 - Notis Pelepasan / Pengasingan Caruman Kerajaan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Untuk Tujuan Pengiraan Faedah Persaraan

BAHAGIAN V

URUSAN PERSARAAN DAN PENCEN

13. **Persaraan Paksa Di Bawah Seksyen 10 Akta 227 / 239**

13.1 **Persaraan Kerana Mencapai Umur 55 Tahun atau 56 Tahun [Subseksyen 10(1), Akta 227 / 239]**

Anggota berpencen yang dilantik sebelum 1.10.2001 wajib bersara apabila mencapai umur 55 tahun atau 56 tahun mengikut opsiyen yang telah mereka buat di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2001. Anggota yang dilantik pada atau selepas 1.10.2001 wajib bersara apabila mencapai umur 56 tahun. Namun begitu, jika seseorang anggota mencapai umur 55 tahun atau 56 tahun, dan sesuatu perbicaraan jenayah atau tindakan tatatertib yang mungkin berkeputusan dengan ia disabitkan atau dibuang kerja belum lagi selesai, maka perkhidmatannya hendaklah disifatkan sebagai telah dilanjutkan melampaui umur itu tetapi dikira cuti tanpa gaji sehingga keputusan kesnya diperoleh. Faedah persaraan yang layak diberi ialah seperti di **Jadual 9** dengan mengemukakan borang dan dokumen seperti di **Jadual 10**.

Jadual 9

Faedah Persaraan Kerana Mencapai Umur 55 Tahun atau 56 Tahun

Faedah Persaraan	Formula Pengiraan
a. Pencen Perkhidmatan	$1/600 \times \text{jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira} \times \text{gaji yang akhir diterima}$ <p>tertakluk kepada maksimum sebanyak setengah daripada gaji yang akhir diterima tetapi tidak kurang daripada RM 280.00 sebulan bagi tempoh perkhidmatan yang dimasukira 300 bulan atau lebih.</p>
b. Ganjaran Perkhidmatan	$7.5\% \times \text{jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira} \times \text{gaji yang akhir diterima}$

Jadual 10

**Borang dan Dokumen Urusan Persaraan Kerana Mencapai
Umur 55 Tahun atau 56 Tahun**

Bil.	Borang dan Dokumen
a.	Borang JPA.BP.SPPP.B01a - Maklumat Pesara
b.	Borang JPA.BP.SPPP.B03 – Maklumat Tanggungan
c.	Borang JPA.BP.UMUM.B01 - Sijil Akuan Berhutang / Tidak Berhutang
d.	Borang JPA.BP.UMUM.B02 - Pengiraan Cuti Rehat Yang Boleh Dikumpulkan Di Bawah Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Pencen 1980 (jika berkenaan)
e.	Borang JPA.BP.UMUM.B04 – Laporan Pengesahan Pakar Perubatan Mengenai Anak Cacat Otak / Cacat Anggota (jika berkenaan)
f.	Salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti
g.	Salinan Sijil Nikah; sekiranya tiada, Surat Akuan Sumpah
h.	Salinan Kad Pengenalan anggota dan suami / isteri
i.	Salinan Sijil Kelahiran anak di bawah umur 21 tahun dan tiada had umur bagi anak cacat
j.	Salinan dokumen bank yang menunjukkan nama, nombor Kad Pengenalan dan nombor akaun bank

13.2 **Persaraan Atas Sebab Kesihatan [Perenggan 10(5)(a), Akta 227 / 239]**

Anggota berpencen yang didapati tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya kerana kelemahan akal atau tubuh yang kekal hendaklah dihadapkan ke Lembaga Perubatan mengikut lunas-lunas Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1995 dan sekiranya diperakukan oleh Lembaga tersebut, anggota berkenaan boleh dibersarakan. Faedah persaraan yang layak diberi ialah seperti di **Jadual 11** dengan mengemukakan borang dan dokumen seperti di **Jadual 12**.

Jadual 11

Faedah Persaraan Atas Sebab Kesihatan

Faedah Persaraan	Formula Pengiraan
<p>a. Pencen Perkhidmatan</p>	$1/600 \times \text{jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira} \times \text{gaji yang akhir diterima}$ <p>tertakluk kepada maksimum sebanyak setengah daripada gaji yang akhir diterima sebulan tetapi -</p> <p>i. tidak boleh kurang daripada satu perlima daripada gaji akhir yang diterima; dan</p> <p>ii. tidak kurang daripada RM 280.00 sebulan bagi tempoh perkhidmatan yang dimasukira 300 bulan atau lebih.</p>
<p>b. Ganjaran Perkhidmatan</p>	$7.5\% \times \text{jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira} \times \text{gaji yang akhir diterima}$

Jadual 12
Borang dan Dokumen Urusan Persaraan Atas Sebab Kesihatan

Bil.	Borang dan Dokumen
a.	Borang JPA.BP.SPPP.B01a – Maklumat Pesara
b.	Borang JPA.BP.SPPP.B03 – Maklumat Tanggungan
c.	Borang JPA.BP.SPPP.B04 – Notis Pelepasan / Pengasingan Caruman Kerajaan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Untuk Tujuan Pengiraan Faedah Persaraan
d.	Borang JPA.BP.UMUM.B01 – Sijil Akuan Berhutang / Tidak Berhutang
e.	Borang JPA.BP.UMUM.B02 – Pengiraan Cuti Rehat Yang Boleh Dikumpulkan Di Bawah Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Pencen 1980 (jika berkenaan)
f.	Borang JPA.BP.UMUM.B04 – Laporan Pengesahan Pakar Perubatan Mengenai Anak Cacat Otak / Cacat Anggota (jika berkenaan)
g.	Salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti
h.	Salinan Sijil Nikah; sekiranya tiada, Surat Akuan Sumpah
i.	Salinan Kad Pengenalan anggota dan suami / isteri dan salinan Sijil Kelahiran anak di bawah umur 21 tahun (tiada had umur bagi anak cacat)
j.	Salinan dokumen bank yang menunjukkan nama, nombor Kad Pengenalan dan nombor akaun bank
k.	Laporan Lembaga Perubatan - Lampiran A kepada P.P. 10/95
l.	Surat Persetujuan Pegawai - Lampiran "C-1" kepada P.P. 10/95
m.	Perakuan Persaraan Atas Sebab Kesihatan - Lampiran D kepada P.P. 10/95
n.	Surat kelulusan persaraan atas sebab kesihatan (bagi pegawai awam Negeri sahaja)

13.3 **Persaraan Kerana Jawatan Yang Dipegang Dihapuskan [Perenggan 10(5)(b), Akta 227 / 239]**

Sekiranya jawatan yang dipegang oleh anggota berpencen dihapuskan, maka penyandanganya boleh dibersarakan. Faedah persaraan yang layak diberi ialah seperti di **Jadual 13** dengan mengemukakan borang dan dokumen seperti di **Jadual 14**.

Jadual 13

Faedah Persaraan Kerana Jawatan Yang Dipegang Dihapuskan

Faedah Persaraan	Formula Pengiraan
<p>a. Pencen Perkhidmatan</p>	<p>$1/500 \times \text{jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira} \times \text{gaji yang akhir diterima}$</p> <p>tertakluk kepada maksimum sebanyak setengah daripada gaji yang akhir diterima sebulan.</p>
<p>b. Ganjaran Perkhidmatan</p>	<p>$7.5\% \times \text{jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira} \times \text{gaji yang akhir diterima}$</p>

Jadual 14

**Borang dan Dokumen Urusan Persaraan Kerana
Jawatan Yang Dipegang Dihapuskan**

Bil.	Borang dan Dokumen
a.	Borang JPA.BP.SPPP. B01a - Maklumat Pesara
b.	Borang JPA.BP.SPPP.B03 - Maklumat Tanggungan
c.	Borang JPA.BP.SPPP.B04 - Notis Pelepasan / Pengasingan Caruman Kerajaan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Untuk Tujuan Pengiraan Faedah Persaraan
d.	Borang JPA.BP.UMUM.B01 - Sijil Akuan Berhutang / Tidak Berhutang
e.	Borang JPA.BP.UMUM.B02 - Pengiraan Cuti Rehat Yang Boleh Dikumpulkan Di Bawah Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Pencen 1980 (jika berkenaan)
f.	Borang JPA.BP.UMUM.B04 - Laporan Pengesahan Pakar Perubatan Mengenai Anak Cacat Otak / Cacat Anggota (jika berkenaan)
g.	Salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti
h.	Salinan Sijil Nikah; sekiranya tiada, Surat Akuan Sumpah
i.	Salinan Kad Pengenalan anggota dan suami / isteri
j.	Salinan Sijil Kelahiran anak-anak di bawah umur 21 tahun dan tiada had umur bagi anak cacat
k.	Salinan dokumen bank yang menunjukkan nama, nombor Kad Pengenalan dan nombor akaun bank
l.	Surat Kuasa Memansuhkan Jawatan dari Kementerian Kewangan Malaysia

13.4 **Persaraan Kerana Penyusunan Semula Organisasi [Perenggan 10(5)(c), Akta 227 / 239]**

Anggota berpencen boleh dibersarakan bagi membolehkan organisasi agensi awam di mana anggota itu bekerja mudah diperbaiki dan dengan itu menghasilkan lebih lagi kecekapan atau ekonomi. Faedah persaraan yang layak diberi ialah seperti di **Jadual 15** dengan mengemukakan borang dan dokumen seperti di **Jadual 16**.

Jadual 15

Faedah Persaraan Kerana Penyusunan Semula Organisasi

Faedah Persaraan	Formula Pengiraan
<p>a. Pencen Perkhidmatan</p>	<p>$1/500 \times \text{jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira} \times \text{gaji yang akhir diterima}$</p> <p>tertakluk kepada maksimum sebanyak setengah daripada gaji yang akhir diterima sebulan.</p>
<p>b. Ganjaran Perkhidmatan</p>	<p>$7.5\% \times \text{jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira} \times \text{gaji yang akhir diterima}$</p>

Jadual 16
Borang dan Dokumen Urusan Persaraan
Penyusunan Semula Organisasi

Bil.	Borang dan Dokumen
a.	Borang JPA.BP.SPPP.B01a - Maklumat Pesara
b.	Borang JPA.BP.SPPP.B03 - Maklumat Tanggungan
c.	Borang JPA.BP.SPPP.B04 - Notis Pelepasan / Pengasingan Caruman Kerajaan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Untuk Tujuan Pengiraan Faedah Persaraan
d.	Borang JPA.BP.UMUM.B01 -Sijil Akuan Berhutang / Tidak Berhutang
e.	Borang JPA.BP.UMUM.B02 - Pengiraan Cuti Rehat Yang Boleh Dikumpulkan Di Bawah Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Pencen 1980 (jika berkenaan)
f.	Borang JPA.BP.UMUM.B04 - Laporan Pengesahan Pakar Perubatan Mengenai Anak Cacat Otak / Cacat Anggota (jika berkenaan)
g.	Salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti
h.	Salinan Sijil Nikah; sekiranya tiada, Surat Akuan Sumpah
i.	Salinan Kad Pengenalan anggota dan suami / isteri
j.	Salinan Sijil Kelahiran anak-anak di bawah umur 21 tahun dan tiada had umur bagi anak cacat
k.	Salinan dokumen bank yang menunjukkan nama, nombor Kad Pengenalan dan nombor akaun bank
l.	Salinan Keputusan Supaya Organisasi Disusun Semula

13.5 **Persaraan Kerana Pekerjaan Anggota Telah Ditamatkan Demi Kepentingan Awam [Perenggan 10(5)(d), Akta 227 / 239]**

Anggota berpencen yang telah diambil tindakan tata tertib yang berkeputusan dengan penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam boleh dibersarakan untuk membolehkan beliau diberi faedah persaraan yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong (bagi pegawai perkhidmatan awam) atau Menteri (bagi pekerja Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan). Faedah persaraan yang layak diberi ialah seperti di **Jadual 17** dengan mengemukakan borang dan dokumen seperti di **Jadual 18**.

Jadual 17

Faedah Persaraan Kerana Pekerjaan Anggota Telah Ditamatkan Demi Kepentingan Awam

Faedah Persaraan	Formula Pengiraan
<p>a. Pencen Perkhidmatan</p>	<p>Apa-apa kadar yang telah ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri, mana yang berkenaan, yang tidak melebihi daripada</p> $1/600 \times \text{jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira} \times \text{gaji yang akhir diterima}$ <p>tertakluk kepada maksimum sebanyak setengah daripada gaji yang akhir diterima sebulan.</p>
<p>b. Ganjaran Perkhidmatan</p>	<p>Apa-apa kadar yang telah ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri, mana yang berkenaan, yang tidak melebihi daripada</p> $7.5\% \times \text{jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira} \times \text{gaji yang akhir diterima}$

Jadual 18

Borang dan Dokumen Urusan Persaraan Kerana Pekerjaan Anggota Telah Ditamatkan Demi Kepentingan Awam

Bil.	Borang dan Dokumen
a.	Borang JPA.BP.SPPP.B01a - Maklumat Pesara
b.	Borang JPA.BP.SPPP.B03 - Maklumat Tanggungan
c.	Borang JPA.BP.SPPP.B04 - Notis Pelepasan / Pengasingan Caruman Kerajaan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Untuk Tujuan Pengiraan Faedah Persaraan
d.	Borang JPA.BP.UMUM.B01 – Sijil Akuan Berhutang / Tidak Berhutang
e.	Borang JPA.BP.UMUM.B02 - Pengiraan Cuti Rehat Yang Boleh Dikumpulkan Di Bawah Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Pencen 1980 (jika berkenaan)
f.	Borang JPA.BP.UMUM.B04 - Laporan Pengesahan Pakar Perubatan Mengenai Anak Cacat Otak / Cacat Anggota (jika berkenaan)
g.	Salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti
h.	Salinan Sijil Nikah; sekiranya tiada, Surat Akuan Sumpah
i.	Salinan Kad Pengenalan anggota dan suami / isteri
j.	Salinan Sijil Kelahiran anak-anak di bawah umur 21 tahun dan tiada had umur bagi anak cacat
k.	Salinan dokumen bank yang menunjukkan nama, nombor Kad Pengenalan dan nombor akaun bank
l.	Laporan lengkap mengenai latarbelakang kes termasuk laporan siasatan polis (bagi perkhidmatan awam Negeri dan Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan sahaja)

...bersambung

Bil.	Borang dan Dokumen
m.	Salinan keputusan penamatan perkhidmatan oleh Lembaga Tatatertib (bagi perkhidmatan awam Negeri dan Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan sahaja)
n.	Surat kelulusan persaraan demi kepentingan awam oleh Pihak Berkuasa Negeri (bagi perkhidmatan awam Negeri sahaja)
o.	Perakuan Ketua Jabatan untuk membersarakan pegawai demi kepentingan awam (bagi Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan sahaja)

13.6 **Persaraan Kerana Memperoleh Kewarganegaraan Asing atau Dilucutkan Kewarganegaraan Malaysia [Perenggan 10(5)(e) Akta 227 / 239]**

Anggota berpencen boleh dibersarakan sekiranya memperoleh kewarganegaraan (selain daripada perkahwinan) **atau** menggunakan hak-hak kewarganegaraan **atau** telah mengisytiharkan taat setia kepada negara selain daripada Malaysia **atau** telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysianya. Borang dan dokumen yang diperlukan bagi urusan persaraan ini ialah seperti di **Jadual 19**. Di bawah Seksyen 21A Akta 227 atau Seksyen 23A Akta 239 anggota yang dibersarakan atas sebab ini tidak dibayar faedah persaraan.

Jadual 19

Borang dan Dokumen Urusan Persaraan Kerana Memperoleh Kewarganegaraan Asing atau Dilucutkan Kewarganegaraan Malaysia

Bil.	Borang dan Dokumen
a.	Borang JPA.BP.SPPP.B01a - Maklumat Pesara
b.	Salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti
c.	Salinan Kad Pengenalan anggota
d.	Bukti anggota berkenaan telah memperoleh kewarganegaraan asing atau telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysia

13.7 **Persaraan Kerana Memberi Maklumat Palsu Bagi Maksud Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam [Perenggan 10(5)(f) Akta 227 / 239]**

Anggota berpencen yang dilantik pada atau selepas 12.4.1991 boleh dibersarakan jika terbukti mereka memberi maklumat palsu bagi maksud pelantikan ke dalam perkhidmatan awam dengan syarat mereka telah diberi peluang yang munasabah untuk membuat representasi kepada Yang di-Pertuan Agong, Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan, mana yang berkenaan. Mereka layak diberi faedah persaraan yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri, mana yang berkenaan. Faedah persaraan yang layak diberi ialah seperti di **Jadual 20** dengan mengemukakan borang dan dokumen seperti di **Jadual 21**.

Jadual 20

Faedah Persaraan Kerana Memberi Maklumat Palsu Bagi Maksud Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam

Faedah Persaraan	Formula Pengiraan
<p>a. Pencen Perkhidmatan</p>	<p>Apa-apa kadar yang telah ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri, mana yang berkenaan, yang tidak melebihi daripada</p> $\frac{1}{600} \times \text{jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira} \times \text{gaji yang akhir diterima}$ <p>tertakluk kepada maksimum sebanyak setengah daripada gaji yang akhir diterima sebulan.</p>
<p>b. Ganjaran Perkhidmatan</p>	<p>Apa-apa kadar yang telah ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri, mana yang berkenaan, yang tidak melebihi daripada</p> $7.5\% \times \text{jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira} \times \text{gaji yang akhir diterima}$

Jadual 21

